

## Quality of the Learning System and Services at The Institute of Teacher Education (ITE)

Syed Ismail Syed Mustapa\*, Azahar Aziz, Shamsazila Sa'aban, Salmiah Md.Salleh  
Institut Pendidikan Guru Malaysia  
Pusat Perancangan, Penyelidikan & Inovasi  
syedismail@ipgm.edu.my\*

(Received: 11 Mei 2023 / Accepted: 22 Mei 2023/Published Online: 6 Juni 2023)

### Abstract

The Graduate Tracer Study is an annual survey conducted to determine graduates' satisfaction with the quality of the learning system and services provided after they have completed their studies. This study aims to survey Institute of Teacher Education (ITE) graduates' perspectives on eight (8) aspects, namely the content of the study programme, assessment system, counselling and career guidance services, teaching staff, infrastructure facilities, skills acquired from studies, self-preparedness, and perception of ITE's reputation. A total of 2191 graduates from 27 ITE campuses have answered the distributed instrument. The survey's findings suggest that the graduates' overall viewpoint on the eight (8) aspects of the study is at a high level, with a mean score of 4.67 ( $SD = .55$ ). The mean for each aspect is also high, which is the perspective on self-preparedness (mean 4.80;  $SD = .43$ ); skills obtained from studies (mean 4.79;  $SD = .44$ ); perception of ITE's reputation (mean 4.79;  $SD = .48$ ); teaching staff (mean 4.76;  $SD = .48$ ); study programme content (mean 4.77;  $SD = .48$ ); assessment system (mean 4.62;  $SD = .58$ ); counselling and career guidance services (mean 4.56;  $SD = .65$ ); and infrastructure facilities (mean 4.31;  $SD = .82$ ). Following that, the study's findings suggest that 2,126 graduates (97.0%) aim to continue their education at a higher level. The study's findings also suggest that many graduates (98.3%) showed a willingness to continue serving in the teaching profession. The researcher proposed increasing the male student recruitment quota for the Bachelor of Teaching programme. Similarly, infrastructure facilities need to be enhanced. Furthermore, ITE graduates must embrace the opportunity to continue their studies at a higher level. Simultaneously, ITE must accelerate the implementation of Masters and Doctoral study programmes at ITE. Finally, the researcher recommended that additional research be conducted on the influence of parts of the ITE learning system and services to improve the teacher education programme.

**Keywords:** Graduate tracer study; education program; infrastructure facilities

### Abstrak

Kajian Pengesanan Graduan merupakan kajian tahunan yang dilaksanakan bagi mengetahui kepuasan graduan terhadap kualiti sistem pembelajaran dan perkhidmatan setelah mereka menamatkan pengajian. Kajian ini dilaksanakan untuk meninjau perspektif graduan IPG terhadap lapan (8) aspek kajian iaitu kandungan program pengajian, sistem pentaksiran, perkhidmatan bimbingan kaunseling dan kerjaya, tenaga pengajar, kemudahan prasarana, kemahiran yang diperoleh daripada pengajian, kesediaan diri dan persepsi terhadap reputasi IPG. Sebanyak 2191 orang graduan dari 27 IPG Kampus telah menjawab instrumen yang diedarkan. Dapatkan kajian menunjukkan bahawa secara keseluruhannya, perspektif graduan terhadap lapan (8) aspek kajian berada pada tahap tinggi dengan catatan min 4.67 ( $sp = .55$ ). Min bagi setiap aspek juga berada pada tahap tinggi iaitu perspektif terhadap kesediaan diri min 4.80 ( $sp = .43$ ); kemahiran yang diperoleh daripada pengajian (min 4.79;  $sp = .44$ ); persepsi terhadap reputasi IPG (min 4.79;  $sp = .48$ ); tenaga pengajar (min 4.76;  $sp = .48$ ); kandungan program pengajian (min 4.77;  $sp = .48$ ); sistem pentaksiran (min 4.62;  $sp = .58$ ); perkhidmatan bimbingan kaunseling dan kerjaya (min 4.56;  $sp = .65$ ); dan kemudahan prasarana (min 4.31;  $sp = .82$ ). Seterusnya dapatkan kajian menunjukkan bahawa terdapat sebanyak 2,126 orang graduan (97.0%) berhasrat untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi. Dapatkan kajian juga menunjukkan bahawa majoriti graduan, iaitu 2,153 orang (98.3%) menyatakan hasrat

untuk terus kekal berkhidmat dalam profesion keguruan. Pengkaji mencadangkan kuota pengambilan pelajar lelaki bagi program PISMP perlu dipertingkatkan dan aspek kemudahan prasarana perlu ditambahbaik. Selain itu, graduan IPG juga perlu merebut peluang untuk melanjutkan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi. IPG juga disarankan untuk menyegerakan penawaran pengajian di peringkat Sarjana dan Kedoktoran. Akhir sekali, pengkaji turut mencadangkan agar kajian lanjutan terhadap impak aspek sistem pembelajaran dan perkhidmatan di IPG dilaksanakan untuk menambah baik program pendidikan guru.

**Kata Kunci:** Pengesanan graduan; program pengajian; kemudahan prasarana

## I. PENDAHULUAN

Secara umumnya Kajian Pengesanan Graduan merupakan kajian tahunan yang dilaksanakan oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) bagi mengetahui status pekerjaan para graduan setelah mereka menamatkan pengajian. Di samping itu, kajian pengesanan graduan juga bertujuan untuk mendapatkan pandangan graduan berhubung program pengajian, kemudahan dan perkhidmatan institusi pendidikan tinggi masing-masing. Institut Pendidikan Guru (IPG) yang juga merupakan antara institusi pengajian tinggi telah merancang dan melaksanakan program yang relevan untuk menghasilkan guru yang berkualiti. Selaras dengan itu, IPG selaku pusat kecemerlangan pendidikan guru di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), bertanggungjawab melatih bakal-bakal guru melalui program praperkhidmatan dan dalam perkhidmatan yang berkualiti juga perlu melaksanakan kajian pengesanan graduan untuk mendapatkan maklum balas daripada graduan yang dihasilkannya.

Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP) merupakan program latihan praperkhidmatan yang dikhususkan untuk melatih bakal guru dalam pelbagai bidang bagi memenuhi keperluan KPM untuk melahirkan guru sekolah rendah yang berijazah. Program pengajian yang ditawarkan adalah bertujuan untuk memberi ilmu pengetahuan dan menyediakan pengalaman bagi membolehkan bakal guru mempunyai pengetahuan dan kemahiran asas yang berkaitan dengan profesion perguruan. Matlamat program ini adalah untuk melahirkan guru siswazah sekolah rendah yang terlatih, dinamik, berwibawa dan kompeten dalam melaksanakan tugas-tugas mereka sebagai pendidik dan memenuhi hasrat Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan Falsafah Pendidikan Guru [1].

Bagi memenuhi Anjakan ke-4 PPPM 2013-2025, syarat kelayakan kemasukan guru diperketatkan bertujuan untuk meningkatkan kualiti guru dan memartabatkan profesion keguruan di Malaysia. Antara syarat kelayakan ke program ini adalah; umur tidak melebihi 20 tahun dalam tahun permohonan dibuat, sihat tubuh badan dan aktif dalam kegiatan kokurikulum, mendapat gred cemerlang dalam mana-mana lima (5) mata pelajaran di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), mendapat sekurang-kurangnya gred kepujian dalam mata pelajaran Bahasa Melayu dan Sejarah, lulus Bahasa Inggeris serta memenuhi syarat bidang penghususan [2].

Program ini ditawarkan di kampus-kampus IPG di seluruh negara. Bagi graduan PISMP yang dianugerahkan ijazah pada Majlis Konvokesyen tahun 2019, sebanyak 22 bidang penghususan telah ditawarkan bagi memenuhi keperluan guru-guru di sekolah rendah. Jumlah calon guru yang mengikuti PISMP pada setiap tahun adalah berbeza-beza mengikut unjuran yang ditetapkan oleh Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan Dasar Pendidikan (BPPDP) dan KPM. Seramai 2,244 graduan PISMP dianugerahkan Ijazah Sarjana Muda Perguruan pada tahun 2019 [3].

Graduan PISMP 2019 ini telah melalui pengalaman dan telah dilatih dengan ilmu serta kemahiran yang dapat menyediakan mereka sebagai guru yang kompeten di sekolah. Persepsi dan penilaian mereka terhadap kualiti sistem pembelajaran dan perkhidmatan di IPG perlu diketahui dan dikenal pasti bagi membantu pihak berkepentingan terutamanya pihak pengurusan IPG dan IPGM merangka tindakan penambahbaikan. Hal ini penting bagi menjamin kualiti sistem pembelajaran dan perkhidmatan di IPG dapat diperkuuhkan sejajar dengan usaha meningkatkan kualiti guru dan memartabatkan profesion keguruan. Justeru, kajian pengesanan graduan (KPG) dilaksanakan. KPG yang dijalankan ini merupakan kajian fasa pertama daripada dua fasa. Fasa pertama melibatkan semua

graduan yang menerima ijazah pada Majlis Konvokesyen manakala fasa kedua dijalankan setelah mereka mendapat penempatan di sekolah. Hal ini disebabkan majoriti graduan belum mendapat penempatan semasa [4], maka KPG perlu dijalankan sebanyak dua fasa.

### III. METODE PENELITIAN

Kajian ini merupakan kajian kuantitatif menggunakan kaedah tinjauan hirisan rentas (*cross sectional*) [5]. Kajian tinjauan jenis ini dilakukan dengan mengumpul data daripada sampel yang dapat mewakili populasi pada satu-satu masa tertentu. Pengumpulan data dilakukan dengan menggunakan soal selidik secara dalam talian.

Instrumen kajian berbentuk soal selidik dalam talian dan boleh diakses dengan mudah melalui portal Konvokesyen IPG. Graduan memberi maklum balas dengan menggunakan komputer atau telefon pintar. Maklum balas graduan boleh dipantau, dimuat turun dan dipindahkan ke dalam perisian *Microsoft Excel*. Data dianalisis dan diinterpretasi selepas berjaya dikumpulkan.

Kajian ini menggunakan instrumen soal selidik yang telah ditadbir secara dalam talian. Soal selidik dalam instrumen ini memberi peluang kepada graduan untuk memilih pelbagai opsyen yang disediakan. Soal selidik terdiri daripada lima bahagian utama, iaitu sub-skala latar belakang, profil graduan, taburan graduan, penyesuaian profesion dan penilaian graduan terhadap kualiti dan sistem perkhidmatan di IPG.

Soal Selidik Pengesahan Graduan 2019 yang telah dilengkapkan oleh graduan dianalisis menggunakan IBM SPSS versi 22.0. Dapatan kajian dilaporkan dalam bentuk bilangan, peratus, skor min dan sisihan piawai. Populasi kajian adalah seramai 2,255 orang graduan PISMP ambilan Jun 2015. Seramai 2,244 graduan yang dianugerahkan Ijazah Sarjana Muda Perguruan pada tahun 2019. Mereka dikehendaki melengkapkan Borang Kajian Pengesahan Graduan 2019 secara dalam talian. Walau bagaimanapun, seramai 2,191 orang (97.6 %) daripada pelbagai pengkhususan telah melengkapkan borang soal selidik ini. Kajian Pengesahan Graduan dilaksanakan setelah pelajar menamatkan pengajian mereka selama lapan semester [6].

### IV. HASIL DAN PEMBAHASAN HASIL

Tahap interpretasi nilai min dalam kajian ini dibuat berpandukan [7] seperti dalam Jadual 1.

Jadual 1

*Tahap Interpretasi Nilai Min Berdasarkan Nunally dan Bernstein (1994)*

Skor Min	Tahap Interpretasi
1.00 hingga 2.00	Rendah
2.01 hingga 3.00	Sederhana Rendah
3.01 hingga 4.00	Sederhana Tinggi
4.01 hingga 5.00	Tinggi

Seramai 2191 orang graduan dari dua puluh tujuh (27) IPG telah menjawab instrumen yang diedarkan. Taburan sampel ditunjukkan seperti dalam Jadual 2.

### Jadual 2

*Taburan Graduan Mengikut IPG Terakhir Sebelum Menamatkan Pengajian*

Bil	IPG KAMPUS (IPGK)	Bilangan	Peratus	Jantina
1	IPGK Tun Hussein Onn	139	6.3	
2	IPGK Ipoh	138	6.3	
3	IPGK Perlis	131	6.0	
4	IPGK Raja Melewar	120	5.5	
5	IPGK Ilmu Khas	115	5.2	
6	IPGK Darul Aman	106	4.8	
7	IPGK Pendidikan Islam	103	4.7	
8	IPGK Sultan Mizan	97	4.4	
9	IPGK Tuanku Bainun	94	4.3	
10	IPGK Tengku Ampuan Afzan	91	4.2	
11	IPGK Teknik	83	3.8	
12	IPGK Temenggung Ibrahim	83	3.8	
13	IPGK Pulau Pinang	76	3.5	Lelaki = 631
14	IPGK Batu Lintang	74	3.4	(28.8 %)
15	IPGK Bahasa Melayu	72	3.3	
16	IPGK Sarawak	72	3.3	Perempuan=1560
17	IPGK Tawau	64	2.9	(71.2 %)
18	IPGK Sultan Abdul Halim	63	2.9	
19	IPGK Tun Abdul Razak	60	2.7	
20	IPGK Kota Bharu	57	2.6	
21	IPGK Perempuan Melayu Melaka	56	2.6	
22	IPGK Bahasa Antarabangsa	53	2.4	
23	IPGK Dato Razali Ismail	52	2.4	
24	IPGK Kent	51	2.3	
25	IPGK Rajang	49	2.2	
26	IPGK Gaya	47	2.1	
27	IPGK Keningau	45	2.1	
<b>Jumlah</b>		<b>2,191</b>	<b>100.0</b>	

Berdasarkan Jadual 2, dapatan menunjukkan, taburan tertinggi graduan mengikut IPG terakhir sebelum bergraduasi adalah IPGK Tun Hussien Onn iaitu seramai 139 orang (6.3%), diikuti IPGK Ipoh seramai 138 orang (6.3%), IPGK Perlis seramai 131 orang (6.0%), IPGK Raja Melewar seramai 120 orang (5.5%), IPGK Ilmu Khas seramai 115 orang (5.2%), IPGK Darulaman seramai 106 orang (4.8%) dan IPGK Pendidikan Islam seramai 103 orang (4.7%). Bagi taburan graduan IPG yang berjumlah antara 50 hingga 100 orang terdiri daripada antaranya IPGK Sultan Mizan seramai 97 orang (4.4%), IPGK Tuanku Bainun seramai 94 orang (4.3%), IPGK Tengku Ampuan Afzan seramai 91 orang (4.2%) dan IPGK Teknik seramai 83 orang (3.8%). Taburan graduan yang paling rendah adalah IPGK Keningau iaitu seramai 45 orang sahaja (2.1%). Berdasarkan Jadual 2, dapatan kajian juga menunjukkan seramai 1,560 orang (71.2%) adalah responden perempuan manakala responden lelaki adalah seramai 631 orang (28.8%). Taburan graduan mengikut jantina lelaki dan perempuan dengan nisbah 1:3.

Untuk menjawab persoalan pertama kajian apakah tahap kandungan program pengajian, sistem pentaksiran, perkhidmatan bimbingan kaunseling dan kerjaya, tenaga pengajar, kemudahan prasarana, kemahiran yang diperoleh daripada pengajian, kesediaan diri dan persepsi terhadap reputasi IPG menurut persepsi graduan IPG, dapatan kajian ditunjukkan dalam Jadual 3.

**Jadual 3**  
**Persepsi graduan setelah tamat pengajian**

Bil	Aspek Kajian	min	sp
1	Kandungan program pengajian	4.75	0.48
2	Sistem pentaksiran	4.62	0.58
3	Perkhidmatan bimbingan kaunseling dan kerjaya	4.56	0.65
4	Tenaga pengajar	4.76	0.48
5	Kemudahan prasarana	4.31	0.82
6	Kemahiran yang diperoleh daripada pengajian	4.79	0.44
7	Kesediaan diri	4.80	0.43
8	Persepsi terhadap reputasi IPG	4.79	0.48
<b>Keseluruhan</b>		4.67	0.55

Berdasarkan Jadual 3, secara keseluruhannya perspektif graduan terhadap lapan (8) aspek kajian berada pada tahap tinggi dengan catatan min 4.67 (sp=. 55). Perspektif terhadap kesediaan diri mencatatkan tahap tertinggi dengan catatan min 4.80 (sp=. 43). Seterusnya dua aspek yang lain iaitu kemahiran yang diperoleh daripada pengajian (min 4.79; sp=. 44) dan persepsi terhadap reputasi IPG (min 4.79; sp=. 48) masing-masingnya merupakan min ke dua tertinggi menurut perspektif graduan. Lima (5) aspek lagi juga mencatatkan min pada tahap tinggi iaitu persepsi terhadap tenaga pengajar (min 4.76; sp=. 48), kandungan program pengajian (min 4.77; sp=. 48), sistem pentaksiran (min 4.62; sp=. 58), perkhidmatan bimbingan kaunseling dan kerjaya (min 4.56; sp=. 65) manakala yang terakhir iaitu kemudahan prasarana (min 4.31; sp=. 82) merupakan min yang terendah sekali.

Seterusnya untuk menjawab persoalan kedua kajian iaitu adakah graduan IPG bersedia untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi, analisis data ditunjukkan dalam Jadual 4.

**Jadual 4**  
**Kesediaan melanjutkan pengajian**

Bil	Kesediaan Guru	Bilangan	Peratus
1	Ya	2,126	97.0
2	Tidak	65	3.0
<b>Keseluruhan</b>		2191	100

Berdasarkan Jadual 4, dapatan kajian menunjukkan 2,126 orang graduan (97.0%) berhasrat untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi. Hanya sebilangan kecil graduan iaitu 65 orang (3.0%) tidak berminat untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi. Seterusnya untuk menjawab persoalan ketiga iaitu apakah graduan IPG berhasrat untuk terus kekal meneruskan perkhidmatan dalam profesion keguruan, analisis data ditunjukkan dalam Jadual 5.

**Jadual 5**  
**Hasrat meninggalkan profesion keguruan**

Bil	Hasrat menginggalkan profesion keguruan	Bilangan	Peratus
1	Ya	38	1.7
2	Tidak	2,153	98.3
<b>Keseluruhan</b>		2191	100

Dapatan kajian menunjukkan majoriti seramai 2,153 orang (98.3%) menyatakan mereka akan terus kekal meneruskan perkhidmatan dalam profesion keguruan, manakala bakinya iaitu seramai 38 orang graduan (1.7%) daripada 2191 orang graduan menyatakan mereka berhasrat meninggalkan profesion keguruan. Analisis dari soalan respon terbuka setelah ditemakan mendapati bahawa faktor

peribadi menjadi punca kepada graduan untuk meninggalkan profesion keguruan. Antara faktor peribadi yang dinyatakan oleh graduan termasuklah kerana ingin menjadi penyelaras tadika atau taman bimbingan kanak-kanak, mengikut suami, terlalu jauh dari keluarga, ingin berkhidmat di peringkat yang lebih tinggi, ingin menceburi profesion lain dan ingin menjadikan pembelajaran seumur hidup sebagai satu budaya. Namun begitu terdapat juga faktor-faktor lain yang telah dikemukakan oleh graduan. Antara faktor lain yang dinyatakan adalah disebabkan faktor murid dan ibu bapa, beban kerja yang terlalu banyak, tertekan dengan sistem dalam talian yang agak lemah dan bermasalah dengan pihak pentadbir.

## PEMBAHASAN

Secara keseluruhannya, dapatlah dirumuskan bahawa kajian ini menunjukkan bahawa menurut perspektif graduan, mereka berpuas hati terhadap kualiti sistem pembelajaran dan perkhidmatan IPG dengan min setiap aspek kajian berada pada tahap tinggi. Ini bermakna IPG telah berupaya memberikan latihan keguruan kepada bakal-bakal guru dengan sangat efisyen dan berkesan dalam pelbagai aspek termasuklah membabitkan sistem pentaksiran, perkhidmatan bimbingan kaunseling dan kerjaya, tenaga pengajar, kemudahan prasarana, kemahiran yang *diperoleh daripada pengajian, dan kesediaan diri untuk menjadi guru setelah menamatkan pengajian. The primary purpose of learning social sciences is to create people's lives within the social sphere and in a state order with good social capital [8]*. Dalam masa yang sama juga kajian ini menunjukkan bahawa reputasi IPG juga adalah tinggi dan setanding dengan universiti awam yang lain. Kajian ini juga adalah selari dengan kajian terdahulu yang menunjukkan graduan mempunyai tahap kemahiran dan pengetahuan teknikal serta tahap kemahiran generik yang tinggi dan kebanyakannya pihak majikan berpuas hati dengan graduan yang bekerja dengan mereka [9].

Seterusnya kajian ini juga menunjukkan sebilangan besar graduan berhasrat untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi. Ini merupakan satu perkembangan yang sangat positif dan wajar dilakukan oleh graduan kerana dunia pendidikan masa kini sangat dinamik. Segala ilmu yang diperoleh pada masa kini, mungkin kurang relevan lagi untuk masa hadapan. Setiap kemahiran yang diperoleh setelah menamatkan pengajian di IPG boleh ditambah baik dengan mengikuti pengajian di peringkat yang lebih tinggi. Tambahan pula peluang untuk melanjutkan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi sangat terbuka dan pelbagai alternatif telah disediakan untuk membantu dan merangsang graduan melanjutkan pengajian. Dapatkan kajian ini agak bertentangan dengan dapatan kajian yang dilaksanakan di Kolej Komuniti di Sarawak yang menunjukkan dalam tempoh 2015-2017, hanya seramai 165 (19.9%) orang graduan meneruskan pengajian mereka ke peringkat seterusnya berbanding 662 (80.1%) yang tidak cenderung untuk melanjutkan pengajian [9].

Dapatkan kajian ini juga menunjukkan hanya sebilangan kecil daripada graduan menyatakan mereka berhasrat meninggalkan profesion keguruan manakala majoriti menyatakan bahawa mereka tidak akan meninggalkan profesion keguruan [10]. Walaupun jumlahnya kecil, namun graduan ini disarankan agar mempertimbangkan semula keputusan mereka kerana keadaan semasa menunjukkan bahawa lebih 90,000 graduan menghadapi masalah untuk mendapatkan pekerjaan masing-masing. Pembentukan karakter sosial menjadi salah satu sarana bagaimana bangsa ini mampumenciptakan kehidupan yang cinta damai dan manusawi dalam mewujudkan bangsa yangberkarakter sesuai dengan tujuan pendidikan IPS dalam mewujudkan karakter warga negarayang baik [11]. *Media literacy is referred to as someone's ability to convey information to the public appropriately [12]*. Di samping itu juga, banyak faktor lain yang turut mempengaruhi kemampuan siswazah IPT untuk memenuhi kehendak pekerjaan seperti pencapaian dalam pendidikan dan latihan yang diterima dari institusi pengajian masing-masing [13].

## V. KESIMPULAN DAN SARAN

Berdasarkan kajian ini, dapatlah dirumuskan bahawa profesion keguruan sangat sinonim dengan kepercayaan bahawa guru wanita lebih meminati profesion ini berbanding dengan lelaki. Perkara ini dapat dibuktikan dengan dapatan kajian yang memperlihatkan bahawa taburan graduan mengikut jantina lelaki dan wanita adalah agak besar. Dapatan yang menunjukkan bilangan graduan guru wanita lebih daripada graduan guru lelaki mungkin dipengaruhi faktor minat dan kecenderungan wanita menceburi profesion keguruan. Oleh yang demikian, adalah dicadangkan agar kuota pengambilan pelajar lelaki bagi program PISMP perlu ditambah. Hal ini kerana dapatan yang diperoleh dari kajian ini menunjukkan taburan graduan mengikut jantina lelaki dan perempuan adalah bernisbah 1:3.

Kajian ini juga membuktikan bahawa IPG telah berjaya memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada bakal-bakal guru yang meliputi kandungan program pengajian, sistem pentaksiran, perkhidmatan bimbingan kaunseling dan kerjaya, tenaga pengajar, kemahiran yang diperoleh daripada pengajian dan kesediaan diri. Walau bagaimanapun, masih terdapat ruang untuk penambahbaikan khususnya dalam aspek kemudahan prasarana kerana mendapat nilai min yang terendah. Aspek tersebut merangkumi kemudahan kedai buku / koperasi, kemudahan ICT di kampus dan kemudahan kafeteria/kantin.

Selain itu, dapatlah dirumuskan juga bahawa graduan IPG secara keseluruhannya bersikap positif terhadap profesion keguruan kerana majoritinya ingin kekal dalam profesion ini. Dapatan ini juga menunjukkan IPG berjaya menghasilkan guru yang tekal dan komited terhadap profesion keguruan. Kajian ini juga membuktikan bahawa konsep kesarjanaan guru (*scholarly teacher*) dapat dijiwai oleh graduan apabila dapatkan menunjukkan majoriti graduan berhasrat melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi. Justeru, adalah dicadangkan agar graduan lepasan IPG mengambil tindakan segera untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat ijazah sarjana dan kedoktoran bagi meningkatkan kualiti diri dan merebut pelbagai peluang serta skim galakan yang diperkenalkan oleh KPM khusus untuk warga pendidik yang berhasrat melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi.

Di samping itu, dapatlah dirumuskan juga bahawa reputasi IPG adalah tinggi dari segi institusi latihan perguruan terkemuka di Malaysia, dan berkemampuan menjadi penyedia pendidikan tinggi yang berkualiti dan institusi serta setanding dengan Universiti Awam yang lain. Perkara ini menggambarkan satu petanda yang baik bahawa misi dan visi IPG sebagai peneraju kecemerlangan pendidikan guru yang unggul telah dapat direalisasikan. Justeru, pihak IPG disarankan agar dapat melaksanakan tindakan segera untuk menawarkan pengajian di peringkat Sarjana dan Ijazah Kedoktoran kerana mempunyai kekuatannya yang tersendiri dan berupaya menerajui latihan keguruan dalam usaha melatih bakal-bakal guru yang bakal ditempatkan di sekolah-sekolah rendah di seluruh Malaysia.

Seterusnya, pengkaji turut mencadangkan agar pihak pengurusan tertinggi IPGM dan KPM menonjolkan penjenamaan IPG sebagai institusi latihan keguruan terkemuka di Malaysia, penyedia pendidikan tinggi yang berkualiti dan institusi yang setanding dengan UA. Kajian lanjutan wajar dilaksanakan untuk mengenal pasti cabaran graduan dalam menyesuaikan diri kepada profesion melibatkan penglibatan graduan dalam Pembangunan Profesionalisme Berterusan (PPB). Kajian lanjutan lain juga perlu dilaksanakan untuk mengenal pasti impak dari segi kandungan program pengajian, sistem pentaksiran, perkhidmatan bimbingan kaunseling dan kerjaya, tenaga pengajar, kemudahan prasarana, kemahiran yang diperoleh daripada pengajian dan kesediaan diri. Dapatan kajian tersebut dapat digunakan bagi menyusun langkah yang bersesuaian bagi menambah baik program pendidikan guru dalam pelbagai aspek.

## VI. DAFTAR PUSTAKA

- [1] Akmal, S., Nur, H.,L., Nahzatush, S., J., Nurul., A., S., Alis, S., A., H., & Muhamad, A.. (2022). Tinjauan keberkesanan program keusahawanan di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) terhadap kebolehpasaran graduan menurut perspektif alumni UKM. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 7(2), e001272. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i2.1272>
- [2] Budi, A., M. Z., Ahmad, B., S., & Amalina., M., Z. (2019). Kebolehpasaran graduan Kolej Komuniti Negeri Sarawak. Prosiding kajian pengesahan graduan TVET Politeknik dan Kolej Komuniti 2019.
- [3] Fah, L. Y., & Hoon, K. C. (2015). Pengenalan kepada pendekatan kuantitatif dalam penyelidikan pendidikan (Edisi ke-4). Universiti Malaysia Sabah.
- [4] Fahmy A.Rosli. (2021). Peluang kerja terhad punca graduan menganggur, September 23, 2021. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/09/867925/peluang-kerja-terhad-punca-graduan-menganggur>
- [5] Institut Pendidikan Guru Malaysia (2017). Transformasi Institut Pendidikan Guru 2016-2025. Institut Pendidikan Guru Malaysia Kementerian Pendidikan Malaysia.
- [6] Institut Pendidikan Guru Malaysia. (2015). Buku Panduan Akademik Sesi 2014/2015 Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP). Institut Pendidikan Guru Malaysia. Kementerian Pendidikan Malaysia.
- [7] Muhammad, S., F. (2023). 90,000 Bakal menganggur. Februari 18, 2023. <https://www.hmetro.com.my/utama/2023/02/937225/90000-bakal-menganggur>
- [8] Nas., A., Z., (2022). Atasi isu graduan guru menganggur.November 29, 2022. [bhpendidikan@bh.com.my](mailto:bhpendidikan@bh.com.my)
- [9] Tetep., T., & Dahlena, A., (2022). Fun Pattern Based Learning Approach for Social Studies Learning during the Covid-19 Pandemic. *Al-Ishlah: Jurnal Pendidikan*, 13 (3), pp. 1571-1580.
- [10] Nooriah., Y., Zakiah., J., & Norain., M., L. (2013). Persepsi pelajar prasiswazah terhadap kebolehpasaran graduan dan persaingan dalam pasaran pekerjaan. *Jurnal Personalia Pelajar* 16 (2013): 77-92.
- [11] Tetep., T. (2018). Kontribusi Kompetensi Guru Dan Iklim Sekolah Terhadap Pembentukan Karakter Sosial Peserta Didik Smp Negeri Di Kabupaten Garut. *Journal Civics & Social Studies*, 1(1), pp. 1-51.
- [12] Tetep., T., Suparman, A. (2019). Students' Digital Media Literacy: Effects on Social Character. *ernational Journal of Recent Technology and Engineering (IJRTE) ISSN: 2277-3878, Volume-8 Issue-2S9*.
- [13] Nurul Ashikin Abd Samad, Zainudin Mat Taib, Nadzirah Muhammad Merejok. (2015). Kajian kepuasan majikan terhadap graduan politeknik Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia: Kajian di Politeknik Mersing. Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia.